

**PEMBANGUNAN MODUL PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI  
MENGENAI KONSEP DAN GELAGAT KOS BAGI MATA PELAJARAN  
PERAKAUNAN KOS DI POLITEKNIK SULTAN HJ. AHMAD SHAH,  
KUANTAN**

**NORBIZUNA BT. ABDUL RASHID**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**MAC, 2004**

## ALHAMDULILLAH

Syukur terhadap Ilahi atas rahmat kesihatan dan keizinanNya  
dapat saya melengkapkan Projek Sarjana ini....

Untuk ibu, doa restumu mengiringi kejayaanku, adik-adik dan  
kakak-kakakku Norbi sekalian kejayaan ini milik kita bersama

Buat insan tersayang, kasih sayangmu pendorong kejayaan ini  
dan rakan-rakan seperjuangan, sokongan dan kritikan kalian  
jambatan untuk diriku berada di sini

Segala curahan kasih sayang, sokongan, kritikan dan doa  
kalian tidak akan dilupakan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.  
Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S. A. W.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia projek, PM Mohd. Ashraf bin Othman di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan dan tidak berbelah bahagi. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin projek ini akan berjaya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Cik Kamilah bt. Ahmad yang sudi menyelia pembangunan produk dari mula sehingga siap. Encik Husin bin Hitam yang memantau secara tidak langsung pembangunan modul, Encik Hafaz bin Ngah dan pensyarah serta pelajar POLISAS yang memberi kerjasama dalam mendapatkan maklumat, terima kasih untuk kalian.

Tidak lupa buat semua kawan-kawan seperjuangan yang banyak membantu dalam merealisasikan dan menjayakan projek ini. Segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat dihargai.

## ABSTRAK

Masalah yang sering melanda pelajar dalam proses pembelajaran mereka adalah kekurangan bahan rujukan yang sesuai dengan peringkat mereka. Mereka terpaksa menggunakan buku teks untuk memahami sesuatu pelajaran yang diajar. Penggunaan buku teks ini bukan sahaja rumit tetapi menyukarkan pemahaman pelajar lantaran beberapa kriteria tertentu yang tidak sesuai dengan pelajar. Oleh yang demikian, adalah perlu pelajar dibekalkan dengan bahan rujukan yang boleh membantu mereka untuk memahami lebih mudah sesuatu pelajaran. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana responden menerima modul pembelajaran yang dibangunkan dari empat aspek penting iaitu ketepatan isi kandungan, keberkesanan persembahan, kesesuaian ilustrasi dan kecukupan aktiviti. Seramai 34 orang responden dipilih daripada pelajar Diploma Akauntansi semester empat dan 8 orang pensyarah dari Jabatan Perdagangan di POLISAS diambil sebagai sampel kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar dan pensyarah memberi maklum balas positif terhadap modul pembelajaran yang dibangunkan dari empat aspek yang dikaji. Ini bermaksud bahawa penggunaan modul dalam pembelajaran boleh dilakukan sama ada sebagai bahan rujukan atau sumber ABBM.

## ABSTRACT

One of the problem that has been facing by most student in the polytechnic is the limitation of the reference books. This problem creates difficulties for the student in understanding important facts that they should know. Using of textbooks often make the student very confuse or understand the concept because the approach used in textbook were not suitable with student's level of understanding. This research was carried out to analyze how far the respondents accepted the module that was developed by researcher. This analysis were focused on four aspects; the validity of module content, effectiveness of the presentation, suitability of illustrations and sufficient activities. 34 students from the Diploma Accountancy course, fourth semester and 8 lecturers from Trade Department in POLISAS were choosed to be respondents. All 42 questionnaires were received and analyze and it showed that all respondents agreed and gave positive response on the module. This gave indication that this module can be used by students and lecturers in their teaching and learning process or as a source of references for the teaching aid.



PT. AMINAH PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS AMINAH

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Persoalan Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Kerangka Teori	7

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	1.6	Kepentingan Kajian 8
	1.7	Skop Kajian 8
	1.8	Batasan Kajian 9
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
	2.0	Pendahuluan 10
	2.1	Pembelajaran 11
	2.1.1	Definisi pembelajaran 11
	2.2	Teori Pembelajaran Humanis 12
	2.2.1	Prinsip pendidikan Carl Rogers 13
	2.2.2	Prinsip pendidikan Abraham Maslow 14
	2.3	Pembelajaran Terarah Kendiri 15
	2.4	Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran 17
	2.5	Definisi Dan Konsep Modul Pengajaran Dan Pembelajaran 18
	2.6	Ciri-ciri Modul 20
	2.7	Kepentingan Pembelajaran Bermodul 23
	2.8	Perbandingan Pembelajaran Tradisional Dan Pembelajaran Bermodul 26
	2.9	Garis Panduan Penulisan Modul 28
	2.10	Sorotan Kajian Lepas 29



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pendahuluan	31
3.1	Reka Bentuk Kajian	32
3.2	Sumber Data	32
	3.2.1 Data primer	32
	3.2.2 Data sekunder	33
3.3	Populasi Dan Sampel	33
3.4	Instrumen Kajian	34
	3.4.1 Borang soal selidik	34
3.5	Kajian Rintis	36
	3.5.1 Modul	36
	3.5.2 Borang soal selidik	37
3.6	Penganalisan Data	38
	3.6.1 Analisis kualitatif	38
	3.6.2 Analisis kuantitatif	38
3.7	Prosedur Kajian	40
3.8	Rumusan	41



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH



BAB	PERKARA	MUKA SURAT
4	<b>REKA BENTUK PRODUK</b>	
4.0	Pendahuluan	42
4.1	Objektif Penghasilan Modul	43
4.1.1	Menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih terancang	43
4.1.2	Menambah bahan pengajaran dan pembelajaran.	43
4.2	Reka Bentuk Dan Ciri-ciri Modul	44
4.2.1	Mudah untuk dipelajari	44
4.2.2	Persembahan isi kandungan yang interaktif	45
4.2.3	Menulis isi pelajaran dalam bentuk seksyen kecil	46
4.3	Kandungan Modul	47
4.3.1	Objektif umum dan objektif khusus	47
4.3.2	Persembahan isi	47
4.3.3	Latihan	48
4.3.4	Rujukan modul dan rujukan tambahan	48
4.4	Aspek Penilaian	48
4.4.1	Penilaian formatif	49
4.4.2	Penilaian summatif	50
4.5	Kronologi Pembinaan MPTK	50
4.6	Batasan MPTK	52
4.6.1	Kos	52
4.6.2	Masa	52
4.6.3	Pengetahuan	53



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	4.6.4 Topik	53
	4.7 Rumusan	53
<b>5</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN DATA</b>	
	5.0 Pendahuluan	55
	5.1 Analisis Data	56
	5.1.1 Analisis data bahagian A	56
	5.1.2 Analisis data bahagian B	57
	5.1.3 Analisis data bahagian C	68
	5.2 Rumusan	68
<b>6</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN PENUTUP</b>	
	6.0 Pendahuluan	69
	6.1 Perbincangan	70
	6.1.1 Penerimaan responden terhadap ketepatan isi kandungan	70
	6.1.2 Penerimaan responden terhadap persembahan modul	71
	6.1.3 Penerimaan responden terhadap ilustrasi	73
	6.1.4 Penerimaan responden terhadap aktiviti	74



PTTA AUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

6.2	Kesimpulan	74	
6.3	Cadangan	75	
	6.3.1	Pembaikan modul	75
	6.3.2	Kajian akan datang	76
6.4	Rumusan	77	

<b>RUJUKAN</b>	<b>79</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>82</b>
-----------------	-----------



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Perbezaan Pembelajaran Tradisional Dengan Pembelajaran Bermodul	26
3.1	Skala Pemeringkatan Likert	35
3.2	Kaedah Penganalisan Data Berdasarkan Persoalan Kajian	39
5.1	Tahap Kecenderungan Min	56
5.2	Latar Belakang Responden	57
5.3	Analisis Deskriptif Item Seksyen 1 (Kandungan Modul)	58
5.4	Analisis Deskriptif Item Seksyen 2 (Persembahan Modul)	60
5.5	Analisis Deskriptif Item Seksyen 3 (Ilustrasi)	62
5.6	Analisis Deskriptif Item Seksyen 4 (Aktiviti)	65



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	7
3.3	Prosedur Kajian	40
4.1	Carta Alir Reka Bentuk Dan Pembinaan MPTK	51



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	82
Lampiran B	Borang Pengesahan Pakar	88
Lampiran C	Hasil Kajian Rintis	89
Lampiran D	Analisis Data	90
Lampiran E	Produk	102



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## Bab 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Perkembangan teknologi terkini semakin pesat selari dengan arus globalisasi yang sedang melanda di setiap pelusuk dunia telah memberi kesan kepada negara dari pelbagai aspek kehidupan sama ada bercorak positif mahupun negatif. Ini jelas dapat dilihat melalui sistem ekonomi dan pendidikan di negara ini. Pendidikan di Malaysia khususnya, telah mengalami beberapa peringkat perubahan dan berkembang mengikut keperluan semasa dan akan datang. Pendidikan pada masa kini lebih berteraskan kepada kemajuan sains dan teknologi. Dengan kata lain, proses pengajaran dan pembelajaran adalah lebih berpusatkan kepada pelajar dalam suasana pembelajaran yang kondusif.

Sememangnya pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar dengan penggunaan teknologi pendidikan dapat mewujudkan satu suasana pembelajaran yang lebih dinamis. Sementara itu, pengajaran yang berteknologi berperanan untuk membolehkan proses pengajaran yang berkesan melalui penggunaan kaedah dan teknik yang sistematik bagi mencapai objektif pengajaran.

Teknologi pendidikan tidaklah tertumpu kepada peralatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang memberi manfaat. Teknologi dalam pendidikan melibatkan satu sistem yang meliputi perkakasan, bahan, teknik, organisasi, pengetahuan dan ketrampilan. Proses pengajaran dan pembelajaran berorientasikan modul sendiri semakin popular pada masa kini di pusat-pusat pengajian tinggi. Penciptaan modul pembelajaran sendiri ini dapat memuatkan segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang akan diajar bagi menyenangkan pembelajaran murid dan akan menjadikan proses pengajaran guru lebih berkesan seterusnya menghasilkan para pelajar yang cemerlang (Abd. Rahim Mohd. Saad, 1996).

Modul pembelajaran sendiri adalah melibatkan tiga elemen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Penghasilan modul sendiri berasaskan kepada sukatan pelajaran dengan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti yang digunakan untuk pembelajaran para pelajar. Modul juga dikatakan bertujuan untuk memperkayakan bahan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran dan pada masa yang sama berfungsi sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) bagi menyokong sesi pembelajaran (Sharifah Alwiah, 1987).



menyebabkan pelajar menganggap belajar hanya untuk lulus peperiksaan. Oleh itu, kemahiran menggunakan kaedah pembelajaran adalah penting kerana ia akan dapat memotivasikan pelajar, meningkatkan daya fikiran mereka ke arah fikiran yang lebih kritis (Omardin Ashaari, 1999)

Penggunaan modul dalam pembelajaran menurut Sharifah Alwiah (1987) menjadikan penyampaian pelajaran lebih berkesan. Ini kerana segala maklumat yang terkandung dalam modul adalah lengkap merangkumi objektif pembelajaran dan aktiviti-aktiviti atau gerak kerja untuk pembelajaran pelajar. Namun begitu, penggunaan media pembelajaran seperti modul perlu dirancang agar ia mampu memberi impak positif kepada pengguna. Persembahan dan aktiviti dalam modul perlu dipelbagaikan agar ia sesuai dan meningkatkan motivasi pelajar untuk menggunakannya (Nor Rizan, 2002)

## 1.2 Pernyataan Masalah

Proses pembelajaran merupakan satu proses yang berlaku sepanjang hayat. Menurut Ishak (2002), pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Di dalam kelas tradisional, pembelajaran adalah berpusatkan guru di mana guru dianggap sebagai pendita di atas pentas. Guru dianggap sebagai orang yang serba tahu dan ditugaskan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajarannya. Manakala pelajar dalam proses pendidikan tradisional hanya terlibat secara pasif tanpa memberi apa-apa input kepada proses pembelajaran dan pengajaran (Ee Ah Meng, 2003).

Walau bagaimanapun, dalam era teknologi maklumat kini, pembelajaran berpusatkan guru ini perlu ditukar kepada pembelajaran berpusatkan bahan pelajaran. Ini disokong oleh Jaya Kumar (2002), yang mengatakan bahawa pelajar perlu berdikari pada masa-masa tertentu dan bertanggungjawab untuk pembelajarannya serta membuat perancangan dan mencari bahan atau maklumat dengan daya usaha dan inisiatif sendiri. Tetapi, peranan guru sebagai pembimbing masih tidak boleh dinafikan. Menurut Ishak (2001), peranan guru sebagai mu'alim, murabbi, muaddib, muhallil dan qiadi masih kekal, malah perlu dimantapkan khususnya dalam menghadapi globalisasi.

Oleh itu, Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) merupakan kaedah pembelajaran yang dirasakan sesuai untuk diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kini. PTK merupakan satu proses pembelajaran di mana pelajar menetapkan sendiri pembelajaran mereka, keperluan pembelajaran, matlamat yang hendak dicapai, strategi pembelajaran dan akhirnya menilai hasil pembelajaran mereka. Namun begitu, melalui pembacaan dan kajian awal pengkaji terhadap Politeknik di Malaysia, didapati proses pembelajaran bagi Perakaunan Kos masih kekurangan bahan tambahan untuk pelajar membuat rujukan. Selain itu, sistem pembelajaran masih lagi berasaskan "*chalk and talk*" dan berpusatkan guru.

Justeru, berdasarkan kepada permasalahan ini, pengkaji telah menghasilkan satu modul bercetak iaitu Modul Pembelajaran Terarah Kendiri (MPTK) bagi topik Konsep dan Gelagat Kos iaitu salah satu topik yang terdapat dalam silibus Perakaunan Kos. Ini kerana menurut Sharifah Alwiah (1987) penghasilan modul mampu memudahkan pelajar dalam memahami dan menguasai isi pelajaran. Penglibatan guru pula berlaku secara tidak langsung untuk memberi tunjuk ajar kepada pelajar. Maka melalui kaedah pembelajaran bermodul ini akan dapat menyediakan maklum balas yang tepat mengenai pencapaian pelajar dan dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Seterusnya pengkaji telah menilai modul yang dibangunkan sama ada boleh digunakan sebagai ABBM atau tidak dari empat aspek iaitu isi kandungan,

persembahan, ilustrasi dan aktiviti dengan mengambil kira perspektif pensyarah dan pelajar.

### 1.3 Persoalan Kajian


Berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian berikut perlu dijawab melalui kajian ini.

- 1) Adakah isi kandungan dalam MPTK ini memenuhi keperluan pembelajaran kumpulan sasaran?
- 2) Adakah persembahan modul menarik dan sesuai dengan kumpulan sasaran?
- 3) Adakah ilustrasi dalam modul membantu pemahaman kumpulan sasaran terhadap topik yang dibincangkan?
- 4) Adakah latihan yang disediakan dalam modul sesuai dengan tahap kumpulan sasaran?

### 1.4 Objektif Kajian

- 1) Membangunkan modul yang mempunyai isi kandungan yang tepat dengan kehendak kumpulan sasaran
- 2) Menilai modul yang boleh menarik minat dan sesuai dengan kumpulan sasaran
- 3) Mengenalpasti kesesuaian modul untuk tambah nilai modul tersebut

### 1.5 Kerangka Teori



**Petunjuk:**

**IK:** Isi Kandungan

**PM:** Persembahan Modul

**IM:** Ilustrasi Modul

**LM:** Latihan dalam Modul

**MPTK:** Modul Pembelajaran Terarah Kendiri

**Rajah 1.1:** Kerangka Teori

(Diubahsuai daripada Sharifah Alwiah, 1987)

Berdasarkan kepada kerangka teori di atas, penilaian terhadap MPTK yang dihasilkan akan dinilai oleh pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam mata pelajaran Perakaunan Kos di salah satu Politeknik di Malaysia. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada empat skop iaitu ketepatan isi kandungan, keberkesanan persembahan modul, keberkesanan ilustrasi yang digunakan dalam pemahaman pelajar dan kesesuaian latihan yang disediakan. Hasil daripada penilaian tersebut akan menunjukkan sama ada MPTK yang dibangunkan ini sesuai atau tidak sesuai digunakan sebagai ABBM kepada pelajar dan pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran Perakaunan Kos.

## 1.6 Kepentingan Kajian

- 1) Memperkenalkan pembelajaran secara bermodul khusus dalam mata pelajaran Perakaunan Kos (sub topik Konsep & Gelagat Kos) bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran
- 2) Dengan terhasilnya MPTK ini dapat membantu pensyarah dan pelajar dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran
- 3) Penghasilan MPTK ini sebagai rujukan kepada individu yang ingin lebih faham tentang mata pelajaran yang dipelajari

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada pembangunan MPTK Perakaunan Kos (sub topik Konsep & Gelagat Kos) dengan memberi tumpuan terhadap empat komponen utama iaitu isi kandungan, persembahan modul, ilustrasi digunakan dan latihan yang disediakan. Modul yang dihasilkan dinilai berdasarkan pandangan pelajar semester 4 sesi 2003/2004 dan pensyarah di POLISAS.



### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatasi kepada:

- 1) Penilaian terhadap empat komponen utama dalam modul yang dibangunkan iaitu isi kandungan, persembahan, ilustrasi dan aktiviti.
- 2) Berdasarkan kepada persepsi pensyarah dan pelajar POLISAS yang mengikuti kursus Perakaunan sahaja
- 3) Dilaksanakan dalam kekangan masa dan kewangan
- 4) Ketepatan kajian ini bergantung kepada keterbukaan responden dalam menjawab soal selidik yang diedarkan



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pendahuluan

Perbincangan bahagian sorotan kajian akan menumpukan kepada maklumat yang berkaitan dengan modul pembelajaran. Maklumat yang dibincangkan dalam bab ini ialah maksud pembelajaran, teori pembelajaran, Pembelajaran Terarah Kendiri, kaedah pengajaran dan pembelajaran, definisi dan konsep modul pengajaran dan pembelajaran, ciri-ciri modul, kepentingan pembelajaran bermodul, perbandingan antara pembelajaran bermodul dan pembelajaran tradisional, garis panduan pembinaan modul, model pembinaan modul dan sorotan daripada kajian lepas.



## 2.1 Pembelajaran

Pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku seseorang individu berdasarkan pengamalan ilmu pengetahuan atau pengalaman mereka. Sesuatu pembelajaran hanya boleh bermula apabila wujudnya tindakbalas terhadap sesuatu rangsangan yang ada. Proses ini akan diteruskan jika terdapat motivasi yang sesuai iaitu suatu penggerak yang dapat mendorong pelajar berusaha memikirkan erti rangsangan itu. Proses pembelajaran akan berakhir apabila perubahan tingkah laku yang dapat dibentuk dikekalkan.

### 2.1.1 Definisi pembelajaran

Mok Soon Sang (2002) telah menyenaraikan beberapa definisi pembelajaran daripada beberapa orang tokoh seperti Robert M. Gagne, Morgan dan King, Guy Le Francois, Henry Clay Lindgran dan Don Byrne. Robert M. Gagne mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Morgan dan King pula mentafsirkan pembelajaran sebagai sebarang tingkah laku yang kekal akibat daripada pengalaman yang diperolehi atau latihan yang telah dialami. Guy Le Francois menyatakan pembelajaran merangkumi semua perubahan tingkah laku yang agak kekal dihasilkan melalui pengalaman. Manakala Henry Clay Lindgran dan Don Byrne pula berpendapat pembelajaran melambangkan sesuatu konsep yang digunakan untuk menerangkan perubahan tingkah laku seseorang yang dapat diperlihatkan



## RUJUKAN

- Abdul Razak Mohd Zain, Othman Karim, Abu Zayin Abdullah dan Raudzah Othman (1999). "Penggunaan Modul Pengajaran Kendiri (MPK) dalam menyelesaikan masalah pengiraan hubungan arus, voltan dan rintangan Sains KBSM Tingkatan 3." *Jurnal Kajian Tindakan Budaya Penyelidikan ke arah Sekolah Berkesan*. Jilid 2, November 1999.
- Azman Kanil. "Esei Pendidikan: Keberkesanan kaedah kuliah dalam pengajaran dan pembelajaran." *Jurnal Maktab*.
- Berita Harian (1998). "Media masih kurang digunakan." 24 Oktober 1998.
- Ee Ah Meng (1991). "Pendidikan di Malaysia untuk guru pelatih." Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi satu pengenalan." Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II pelaksanaan pengajaran." Shah Alam : Fajar Bakti.
- Ellington H. & Earls S. (1999). "Facilitating student learning a practical guide for tertiary-level teacher's". Johor Bahru : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- "Ensiklopedia Malaysiana" (1996). **Jilid 9**. Kuala Lumpur : Anzagain Sdn Bhd.
- Johnson et al. (1994). "Learning together and alone, cooperative, competitive and individualistic learning". United States of America : Prentice Hall Inc.
- Kamus Dewan (1994). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mala Kadar (1999). "Gaya pembelajaran pelajar semester tiga kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di Institut Teknologi Tun Hussein Onn." Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ITTHO, Batu Pahat, Johor.
- Mat Nor Hussin dan Ab. Rahman Ab. Rashid (1989). "Siri pendidikan Longman: Alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa." Universiti Pertanian Malaysia: Jabatan Bahasa.
- Meyer G. Rex (1988). "Modules From Design To Implementation." Philipines: College For Technician Education
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan pendidikan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ali Ibrahim dan Shaharom (1997). "Ketekalan dan penguasaan konsep pelajar-pelajar terhadap konsep ketumpatan." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Faudzi bin Abd. Hamid (1989). "Kaedah pembelajaran dengan menggunakan modul." *Wawasan*. Januari, 1999.
- Nor Rizan Mohd Idris (2002). "Penilaian terhadap modul pembelajaran pengiklanan (MPP) di Politeknik Port Dickson." Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO, Batu Pahat, Johor.
- Nurumairah Bt Ahmad Shahbuddin (1998). "Strategi meningkatkan penguasaan prinsip asas Prinsip Catatan Bergu." *Jurnal Kajian Tindakan*. **Jilid 1**, November 1998. Terbitan: JKD Batu Pahat, Johor.
- Omardin Ashaari (1999). "Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif." Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Robiah Udin (1999). "Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar tahun dua semester satu kursus ijazah sarjana muda kejuruteraan elektrik di ITTHO". Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ITTHO, Batu Pahat, Johor.

Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991). "Ke arah mengindividukan pengajaran menerusi pengajaran bermodul." *Jurnal Pendidikan Guru*. **Bil 7**, hlm 89 -105. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1994). "Kesan kaedah pengajaran bermodul ke atas pencapaian akademik pelajar tingkatan empat dalam kajian rintis." *Jurnal Pendidikan KPM*. Kuala Lumpur : Terbitan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan KPM. **Jilid 38**. Keluaran 80. hlm 1 – 9.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). "Teknologi pengajaran." Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Fatimah Md Azali (2002). "Penilaian terhadap modul pembelajaran teori kos pengeluaran di Politeknik Port Dickson." Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO, Batu Pahat, Johor.

Zahratul Akmar Ahmad Zainuddin (2000). "Pandangan pensyarah dan siswa-siswi terhadap penggunaan peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO)." Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO, Batu Pahat, Johor.